

7,577 pekerja pilih VSS, 31,895 berhenti sementara

Kementerian cuba tempatkan semula golongan hilang kerja

Oleh Nik Sukry Ramli
niksukry@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Seramai 7,577 pekerja tempatan dilaporkan memilih untuk menerima skim pemberhentian sukarela (VSS) ditawarkan sehingga awal bulan ini selepas kemelut ekonomi melanda dunia sejak hujung tahun lalu belum menunjukkan pemulihan dan perkembangan positif.

Selain itu, seramai 31,895 pekerja diberhentikan sementara sehingga keadaan ekonomi benar-benar kembali pulih dicatatkan di seluruh negara dalam tempoh sama dari Februari hingga awal

Mei lalu.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Maznah Mazlan, berkata jumlah itu lebih rendah berbanding bulan Februari lalu yang mencatatkan sehingga 70,484 pekerja ditamatkan perkhidmatan mereka berikutan keadaan ekonomi mencapai tahap paling kritikal ketika itu.

"Kementerian sedang menjalankan beberapa pendekatan kepada golongan pekerja ini (yang kehilangan pekerjaan) supaya dapat mencari sumber pendapatan bagi menampung kehidupan mereka. Kita juga berharap kekusutan dalam isu "penubuhan Tabung Pemberhentian Pekerjaan

yang dicadangkan sebelum ini dapat dilaksanakan dalam masa terdekat.

"Selain itu, kita akan memulakan skim penempatan semula pekerja membabitkan pekerja warga tempatan ke sektor perkhidmatan yang sebelum ini dikuasai pekerja warga asing. Perkara ini, kita harap dapat bantuan penuh daripada majikan dan satu kajian sudah dan sedang dijalankan untuk mengetahui punca kecenderungan majikan menggalakan pekerja warga asing di premis mereka," katanya kepada media selepas merasmikan Persidangan Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) di sini semalam.

Persidangan Sempena

Ulang Tahun Ke 50 MEF bertemakan Keadaan Ekonomi Tidak Menentu: Cabaran Dalam Pengurusan Sumber Manusia itu turut dihadiri Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja dan Sumber Manusia, Datuk Ismail Abdul Rahim dan Presiden MEF, Datuk Azman Shah Haron.

Maznah berkata, satu mesyuarat penyelarasan sedang diatur membabitkan beberapa kementerian dan agensi berkaitan bagi memastikan tidak akan timbul masalah pertindihan bidang tugas.

Katanya, majikan digesa memainkan peranan mereka dalam mencari jalan penyelesaian dalam penempatan had gaji minimum.